Dana Optimix Yield Allianz Life ("Dana Optimix Yield") yang bermula pada 20 Disember 2010 adalah dana pelaburan perlindungan modal 4 tahun berdenominasikan Dolar Australia dengan pelaburan dalam Nota Berstruktur yang merangkumi sekuriti pendapatan tetap untuk perlindungan modal dan opsyen berstruktur untuk mendapatkan peningkatan modal sepanjang tempoh Dana. Dana telah matang pada 22 Disember 2014.

Dana Amanah Dana Ikhlas Allianz Life ("Dana Ikhlas") yang bermula pada 26 November 2012 bertujuan untuk menjana campuran aliran pendapatan yang tetap dan potensi peningkatan modal dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti disenarai, instrumen

hutang Islam dan lain-lain aset yang dibenarkan berlandaskan Prinsip Syariah

Dana Asean Plus Allianz Life ("Dana Asean Plus") yang bermula pada 11 Oktober 2013, adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk menyediakan peningkatan modal dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur secara utama dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti ASEAN

Dana Induk Asean Plus Allianz Life ("Dana Induk Asean Plus") yang bermula pada 11 Oktober 2013, adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk menyediakan peningkatan modal dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur secara utama dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti ASEAN.

Pengurus Dana-dana ialah Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Pengurus"), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, dengan kegiatan utamanya adalah penaja jaminan insurans hayat dan perniagaan berkaitan pelaburan.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

02. Asas Penyediaan

(A) Kenyataan Pematuhan

Laporan kewangan bagi Dana-dana ini telah disediakan berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia.

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi belum dilaksanakan oleh Dana-dana:

MFRS, Tafsiran dan pindaan berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016

- MFRS 14, Akaun Penundaan Kawal Selia
- Pindaan kepada MFRS 5, *Aset bukan-semasa Dipegang untuk Jualan dan Penamatan Operasi (Pembaikan Tahunan Kitaran 2012-2014)*
- Pindaan kepada MFRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan (Pembaikan Tahunan Kitaran 2012-2014)*
- Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan Bersepadu, MFRS 12, Pendedahan Kepentingan di dalam Entiti Lain dan MFRS 128, Pelaburan dalam Syarikat Sekutu dan Usahasama - Entiti Pelaburan: Melaksanakan Penggecualian Penggabungan*
- Pindaan kepada MFRS 11, *Pengurusan Bersama - Perakaunan untuk Pengambilan Kepentingan dalam Operasi Bersama*
- Pindaan kepada MFRS 101, *Pembentangan Laporan Kewangan - Inisiatif Pendedahan*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Peralatan, dan MFRS 138, Aset Tidak Ketara - Penjelasan Kaedah Diterima untuk Susut Nilai dan Pelunasan*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Peralatan, dan MFRS 141, Pertanian - Pertanian: Loji Pembawa*
- Pindaan kepada MFRS 119, *Manfaat Kakitangan (Pembaikan Tahunan Kitaran 2012-2014)*
- Pindaan kepada MFRS 127, *Penyata Kewangan Berasingan - Kaedah Ekuiti dalam Penyata Kewangan Berasingan*
- Pindaan kepada MFRS 134, *Pelaporan Kewangan Interim (Pembaikan Tahunan Kitaran 2012-2014)*

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

02. Asas Penyediaan (sambungan)

(A) Kenyataan Pematuhan (sambungan)

MFRS, Tafsiran dan pindaan berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018

- MFRS 9, *Instrumen Kewangan (2014)*
- MFRS 15, *Perolehan dari Kontrak dengan Pelanggan*

MFRS, Tafsiran dan pindaan berkuat kuasa pada tarikh yang belum disahkan

- Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan Bersepadu* dan MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Sekutu dan Usahasama - Jualan atau Sumbangan Aset di antara Pelabur dan Sekutu atau Usahasamanya*

Dana-dana bercadang untuk melaksanakan piawaian perakaunan,

pindaan dan tafsiran di atas:

- dari tempoh tahunan yang bermula pada 1 Januari 2016 untuk piawaian, pindaan atau tafsiran yang berkuat kuasa untuk tempoh tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, kecuali untuk MFRS 14, pindaan kepada MFRS 5, pindaan kepada MFRS 10, MFRS 12 dan MFRS 128, pindaan kepada MFRS 11, pindaan kepada MFRS 116 dan MFRS 138, pindaan kepada MFRS 116 dan MFRS 141, pindaan kepada MFRS 119, pindaan kepada MFRS 127 dan pindaan kepada MFRS 134 yang tidak berkaitan dengan Dana.
- dari tempoh tahunan yang bermula pada 1 Januari 2018 untuk piawaian, pindaan atau tafsiran yang berkuat kuasa untuk tempoh

tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2018.

Pelaksanaan awal piawaian, pindaan dan tafsiran lain dijangka tidak memberi sebarang impak kewangan ketara kepada penyata kewangan semasa dan tempoh-tempoh Dana-dana sebelumnya kecuali seperti dinyatakan di bawah:

MFRS 15, *Perolehan dari Kontrak dengan Pelanggan*

MFRS 15 menggantikan panduan dalam MFRS 111, *Kontrak Pembinaan*, MFRS 118, *Perolehan, Tafsiran IC 13, Program Kesetiaan Pelanggan, Tafsiran IC 15, Perjanjian untuk Pembinaan Hartanah*, Tafsiran IC 18, *Pindahan Aset dari Pelanggan*, dan Tafsiran IC 131, *Perolehan - Transaksi Barter Melibatkan Khidmat Pengiklanan*.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

02. Asas Penyediaan (sambungan)

(A) Kenyataan Pematuhan (sambungan)

MFRS 15, Perolehan dari Kontrak dengan Pelanggan (sambungan)

Dana-dana sedang menilai impak kewangan yang mungkin timbul daripada pelaksanaan MFRS 15.

MFRS 9, Instrumen Kewangan

MFRS 9 menggantikan panduan dalam MFRS 139, *Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran* ke atas pengelasan dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan, dan ke atas perakaunan lindung nilai.

Dana-dana sedang menilai impak kewangan yang mungkin timbul daripada pelaksanaan MFRS 9.

(B) Asas Pengukuran

Penyata kewangan ini telah disediakan

berdasarkan kos sejarah kecuali untuk instrumen kewangan yang telah diukur pada nilai saksamanya berdasarkan kaedah-kaedah penilaian yang dinyatakan di dalam nota-nota dasar perakaunan masing-masing.

(C) Matawang Fungsian Dan Pembentangan

Penyata-penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan mata wang fungsian Dana-dana. Kesemua maklumat kewangan yang dibentangkan dalam RM telah dibulatkan kepada angka ribu yang terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(D) Penggunaan Anggaran Dan Pertimbangan

Penyediaan penyata-penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran

dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar-dasar perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Semakan untuk anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang berkaitan.

Tiada bahagian-bahagian ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal yang penting dalam penggunaan dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada yang diuraikan dalam Nota 3(B)-Instrumen Kewangan.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

03. Dasar Perakaunan Penting

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah digunakan secara konsisten bagi semua tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini dan digunakan secara konsisten oleh Dana-dana kecuali dinyatakan sebaliknya.

(A) Transaksi Matawang Asing

Transaksi dalam mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian Dana-dana pada kadar tukaran semasa tarikh transaksi.

Aset dan liabiliti moneteri yang berdenominasikan mata wang asing pada tempoh laporan diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar tukaran semasa pada tarikh tersebut.

Aset dan liabiliti bukan moneteri yang berdenominasikan mata wang asing tidak diterjemahkan semula

pada tempoh akhir pelaporan, kecuali yang diukur pada nilai saksama, yang diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar tukaran semasa tarikh nilai saksama itu ditentukan. Perbezaan mata wang asing yang timbul atas terjemahan semula diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(B) Instrumen Kewangan

(i) Pengiktirafan dan Pengukuran Awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata aset dan liabiliti apabila, dan hanya apabila, Dana-dana menjadi sebelah pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada nilai saksamanya ditambah, di

mana instrumen kewangannya tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos-kos transaksi yang berpunca secara langsung akibat pemerolehan dan terbitan instrumen kewangan.

Derivatif terbenam diiktiraf berasingan daripada kontrak induk dan diakaunkan sebagai derivatif jika, dan hanya jika, ianya tidak berkait rapat dengan ciri-ciri ekonomi dan risiko-risiko bagi kontrak induk dan kontrak induk tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Kontrak induk, di mana derivatif terbenam diiktiraf berasingan, akan dikira selaras dengan dasar yang diguna-pakai kepada sifat kontrak induk.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

03. Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

(B) Instrumen Kewangan (sambungan)

(ii) Kategori instrumen kewangan dan ukuran berikutnya

Dana-dana mengkategorikan instrumen kewangan seperti berikut:

Aset Kewangan

(a) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian
 Nilai saksama melalui kategori keuntungan atau kerugian merangkumi aset-aset kewangan yang dipegang untuk dagangan, termasuk derivatif (kecuali bagi derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai efektif dan bertanda) atau aset-aset

kewangan yang ditandakan khas kepada kategori ini semasa pengiktirafan awal.

Derivatif-derivatif yang berkaitan kepada dan mesti dilangsaiakan melalui penghantaran instrumen ekuiti tidak disiarharga yang mana nilai saksamanya yang tidak boleh diukur dengan pasti akan diukur pada nilai kos.

Aset-aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diukur berikutnya pada nilai saksama masing-masing dengan mengiktiraf keuntungan atau kerugian di

dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(b) Pinjaman dan belum terima

Kategori pinjaman dan belum terima merangkumi instrumen hutang yang tidak disenarai di pasaran aktif dan termasuk belum terima lain, tunai dan kesetaraan tunai.

Aset-aset kewangan yang dikategorikan sebagai pinjaman dan belum terima diukur berikutnya pada kos terlunas dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Semua aset kewangan, kecuali yang diukur pada nilai

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

03. Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

(B) Instrumen Kewangan (sambungan)

(ii) Kategori instrumen kewangan dan ukuran berikutnya (sambungan)

Aset Kewangan (sambungan)

(b) Pinjaman dan belum terima (sambungan) saksama melalui keuntungan atau kerugian, adalah tertakluk kepada semakan untuk kemerosotan nilai (lihat nota 3(D)).

Liabiliti Kewangan

Kesemua liabiliti kewangan diukur berikutnya pada kos terlunas selain daripada yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Nilai saksama melalui kategori keuntungan atau

kerugian merangkumi liabiliti kewangan, derivatif (kecuali bagi derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen perlindungan nilai efektif dan bertanda) atau liabiliti kewangan yang ditentukan secara spesifik ke dalam kategori ini semasa pengiktirafan awal.

Derivatif-derivatif yang berkaitan dengan dan mesti diselesaikan melalui penghantaran instrumen ekuiti tidak disiarharga yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan tepat akan diukur berdasarkan kos.

Liabiliti-liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian kemudiannya diukur

pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(iii) Cara biasa membeli atau menjual aset kewangan

Cara biasa membeli atau menjual adalah membeli atau menjual aset kewangan di bawah kontrak yang termanya meliputi penghantaran aset dalam jangka masa yang ditetapkan secara amnya oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran berkaitan.

Cara biasa membeli atau menjual aset-aset kewangan adalah diiktiraf dan dinyahiktiraf, yang mana diguna-pakai, menggunakan

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

03. Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

(B) Instrumen Kewangan (sambungan)

(iii) Cara biasa membeli atau menjual aset kewangan (sambungan)

perakaunan tarikh dagangan. Perakaunan tarikh dagangan merujuk kepada:

- (a) pengiktirafan aset-aset belum terima dan liabiliti pembayaran untuknya pada tarikh dagangan, dan
- (b) penyahiktirafan aset yang dijual, pengiktirafan sebarang keuntungan atau kerugian atas pelupusan dan pengiktirafan belum terima daripada pembeli untuk bayaran pada tarikh dagangan.

(iv) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau aset kewangan tersebut dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau sebahagian besar risiko dan faedah aset tersebut. Tentang penyahiktirafan aset kewangan pula, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah pertimbangan diterima (termasuk sebarang aset baru diperolehi ditolak dengan sebarang iabiliti ditanggung baru) diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Liabiliti kewangan atau sebahagiannya

dinyahiktirafkan apabila, dan hanya apabila kewajipan yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Mengenai penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun iabiliti kewangan dihapuskan yang dibawa atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan dibayar, termasuk mana-mana aset bukan tunai dipindahkan atau liabiliti ditanggung, diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(C) Tunai Dan Kesetaraan Tunai Dan Letakan Dengan Institusi Kewangan

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, deposit dengan institusi kewangan dan

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

03. Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

(C) Tunai Dan Kesetaraan Tunai Dan Letakan Dengan Institusi Kewangan (sambungan)

pelaburan-pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko tidak ketara terhadap perubahan dalam nilai saksama dengan tempoh matang asal tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh Dana-dana untuk pengurusan komitmen jangka pendek mereka.

Tunai dan kesetaraan tunai dikategorikan dan diukur sebagai pinjaman dan belum terima selaras dengan nota 3(B)(ii)(b).

(D) Kerosotan Nilai Aset-Aset Kewangan

Kesemua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian dan deposit tetap dan panggilan) dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif

mengenai kerosotan nilai hasil daripada satu atau lebih peristiwa yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai aset di masa hadapan. Kerugian yang dijangka berlaku akibat kejadian di masa hadapan, walau bagaimanapun kebarangkaliannya, tidak diiktiraf. Untuk sebuah instrumen ekuiti, penurunan ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama sehingga di bawah kosnya adalah bukti kukuh kerosotan nilai. Jika terdapat bukti objektif tersebut, maka amaun aset kewangan yang boleh dikembalikan akan dianggarkan.

Kerosotan kerugian dari segi pinjaman dan belum terima diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan dan diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang

didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset. Amaun bawaan aset dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun.

(E) Penciptaan Unit-Unit

Penciptaan unit mewakili pembayaran premium oleh pemegang unit sebagai bayaran untuk kontrak baru atau bayaran-bayaran seterusnya untuk meningkatkan amaun pada kontrak tersebut. Penciptaan unit diiktiraf berdasarkan penerimaan.

(F) Pembatalan Unit-Unit

Pembatalan unit mewakili pembatalan unit-unit susulan daripada penyerahan dan pengeluaran.

(G) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar akrual, menggunakan kaedah faedah efektif di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan, kecuali apabila pelaburan-pelaburan dengan

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

03. Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

(G) Pendapatan Faedah (sambungan)

faedah dianggap tidak berprestasi, contohnya, apabila pembayaran balik tertunggak lebih daripada enam bulan, yang mana pengiktirafan untuk faedah tersebut digantung. Berikutan penggantungan tersebut, pendapatan faedah diiktiraf atas dasar penerimaan sehingga kesemua tunggakan dilangsaikan.

(H) Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan pada tarikh hak Dana untuk menerima bayaran yang telah ditentukan, yang mana sekuriti disiarharga adalah tarikh selepas dividen.

(I) Cukai Pendapatan

Perbelanjaan cukai pendapatan merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Perbelanjaan cukai pendapatan

diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Cukai semasa adalah cukai yang dijangka perlu dibayar ke atas pendapatan boleh cukai bagi sesuatu tahun, menggunakan kadar percukaian yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tempoh akhir pelaporan, dan sebarang pelarasan kepada cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, menyediakan perbezaan sementara di antara amaun bawaan aset dan liabiliti dalam penyata aset dan liabiliti serta sebagai asas cukai. Cukai tertunda tidak diiktiraf untuk pengiktirafan awal aset atau liabiliti di dalam sesebuah transaksi yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan tidak memberi kesan

kepada keuntungan perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai. Cukai tertunda diukur pada kadar percukaian yang dijangka akan digunakan ke atas perbezaan sementara apabila diterbalikkan, berdasarkan kadar percukaian yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tempoh akhir pelaporan.

Amaun cukai tertunda diiktiraf diukur berdasarkan jangkaan cara realisasi atau penyelesaian amaun dibawa oleh aset dan liabiliti, menggunakan kadar cukai digubal atau digubal secara substantif pada tarikh pelaporan. Aset dan liabiliti cukai tertunda tidak didisaukan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda ditimbal-balik jika terdapat hak yang boleh dikuat kuasakan untuk menimbal-balik aset dan liabiliti cukai

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

03. Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

(I) Cukai Pendapatan (sambungan)

semasa, dan ia berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama ke atas entiti boleh cukai yang serupa, atau atas entiti cukai berlainan, tetapi mereka bercadang untuk menyelesaikan aset dan liabiliti cukai semasa atas dasar bersih atau aset dan liabiliti cukai mereka akan direalisasi serentak.

Aset cukai tertunda diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa keuntungan masa depan boleh cukai akan diperolehi di mana perbezaan sementara boleh digunakan untuknya. Aset cukai tertunda disemak pada akhir setiap tempoh pelaporan dan dikurangkan sehingga tiada lagi kemungkinan faedah cukai yang berkaitan akan direalisasi.

(J) Ukuran Nilai Saksama

Ukuran nilai saksama aset

atau liabiliti, ditentukan sebagai harga yang boleh diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam transaksi teratur di antara peserta pasaran pada tarikh ukuran. Pengukuran mengandaikan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di pasaran utama atau jika ketiadaan pasaran utama, dalam keadaan pasaran paling menguntungkan.

Untuk aset bukan-kewangan, pengukuran nilai saksama mengambilkira kemampuan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset tersebut sebaiknya atau dengan menjualnya kepada peserta pasaran lain yang boleh menggunakan aset tersebut sebaiknya.

Semasa mengukur nilai saksama aset atau liabiliti,

Dana menggunakan pemerhatian dana pasaran setakat yang boleh. Nilai saksama dikategorikan pada tahap berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti berikut:

Tahap 1: harga disenarai (tidak dilaras) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti serupa yang boleh diakses oleh Dana semasa tarikh ukuran.

Tahap 2: input selain dari harga disenarai termasuk dalam Tahap 1 yang boleh diperhatikan untuk aset atau liabiliti, secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3: input tidak boleh diperhatikan untuk aset atau liabiliti.

Dana mengiktiraf pindahan antara tahap hierarki nilai saksama pada tarikh kejadian atau perubahan keadaan yang menyebabkan pindahan.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

04. Sekuriti Ekuiti Disenarai

2015	Dana Pertumbuhan Dinamik RM'000	Dana Induk Ekuiti RM'000	Dana Induk Dividen RM'000	Dana Induk Dana Ekuiti RM'000	Dana Induk ASEAN Plus RM'000
Dipegang Untuk Dagangan					
Sekuriti Ekuiti Syarikat Disenaraikan Di Malaysia, Pada Kos	56,354	322,551	46,871	15,436	860
Sekuriti Ekuiti Syarikat Disenaraikan Di Luar Malaysia, Pada Kos	-	-	-	-	1,341
Keuntungan/(Kerugian) Yang Timbul Daripada Perubahan Nilai Saksama	5,744	16,880	2,789	1,314	(57)
Keuntungan Tukaran Asing Tidak Direalisasi	-	-	-	-	113
Pada Nilai Saksama	62,098	339,431	49,660	16,750	2,257
Diwakili Oleh Sektor:					
Pasaran Utama Di Malaysia					
• Hartanah	2,183	9,878	1,898	702	-
• Pembinaan	8,502	58,317	7,913	3,254	69
• Keperluan Pengguna	3,636	5,938	-	481	-
• Produk Perindustrian	4,360	19,084	3,707	2,556	22
• Syarikat Projek Prasarana	2,199	-	-	498	-
• Perdagangan/Perkhidmatan	28,124	160,857	25,152	6,991	612
• Kewangan	9,973	60,080	8,156	-	145
• Perladangan	3,121	23,851	2,758	2,141	-
• Syarikat Tujuan Khas Pengambilalihan	-	1,426	76	127	-
	62,098	339,431	49,660	16,750	848
Pasaran Utama Di Luar Malaysia					
• Perindustrian	-	-	-	-	225
• Teknologi Maklumat	-	-	-	-	12
• Kewangan Dan Insurans	-	-	-	-	651
• Keperluan Pengguna	-	-	-	-	111
• Perkhidmatan Telekom	-	-	-	-	175
• Hospitaliti Pengguna	-	-	-	-	151
• Bahan Mentah	-	-	-	-	84
	-	-	-	-	1,409
Pada Nilai Saksama	62,098	339,431	49,660	16,750	2,257

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

04. Sekuriti Ekuiti Disenarai (sambungan)

2014	Dana Pertumbuhan Dinamik RM'000	Dana Induk Ekuiti RM'000	Dana Induk Dividen RM'000	Dana Induk Dana Ekuiti RM'000	Dana Induk ASEAN Plus RM'000
Dipegang Untuk Dagangan					
Sekuriti Ekuiti Syarikat Disenaraikan Di Malaysia, Pada Kos	45,063	210,221	30,467	7,795	563
Sekuriti Ekuiti Syarikat Disenaraikan Di Luar Malaysia, Pada Kos	-	-	-	-	699
Keuntungan Yang Timbul Daripada Perubahan Nilai Saksama	7,208	11,947	2,389	832	75
Keuntungan Tukaran Asing Tidak Dorealisis	-	-	-	-	18
Pada Nilai Saksama	52,271	222,168	32,856	8,627	1,355
Diwakili Oleh Sektor:					
Pasaran Utama Di Malaysia					
• Hartanah	2,150	6,020	966	630	-
• Pembinaan	4,559	26,982	4,532	1,631	8
• Keperluan Pengguna	2,517	-	-	-	-
• Produk Perindustrian	3,858	3,481	572	141	-
• Syarikat Projek Prasarana	2,696	7,947	1,265	409	-
• Teknologi	-	1,049	227	124	-
• Perdagangan/Perkhidmatan	25,190	126,400	18,598	5,409	392
• Kewangan	10,069	48,899	6,620	-	128
• Perladangan	1,232	-	-	162	-
• Syarikat Tujuan Khas Pengambilalihan	-	1,390	76	121	8
	52,271	222,168	32,856	8,627	536
Pasaran Utama Di Luar Malaysia					
• Perindustrian	-	-	-	-	145
• Teknologi Maklumat	-	-	-	-	62
• Utiliti	-	-	-	-	32
• Kewangan Dan Insurans	-	-	-	-	308
• Keperluan Pengguna	-	-	-	-	46
• Perkhidmatan Telekom	-	-	-	-	143
• Hospitaliti Pengguna	-	-	-	-	44
• Bahan Mentah	-	-	-	-	17
• Penjagaan Kesihatan	-	-	-	-	22
	-	-	-	-	819
Pada Nilai Saksama	52,271	222,168	32,856	8,627	1,355

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

05. Sekuriti Kerajaan Malaysia

Dana Induk Bon	2015 RM'000	2014 RM'000
Dipegang Untuk Dagangan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia, Pada Kos	2,524	4,560
Pelunasan Premium	(14)	(14)
Keuntungan/(Kerugian) Yang Timbul Daripada Perubahan Nilai Saksama	5	(149)
Pada Nilai Saksama	2,515	4,397

06. Bon Syarikat

Dana Induk Bon	2015 RM'000	2014 RM'000
Dipegang untuk Dagangan		
Bon Syarikat Tidak Disenarai Tanpa Cagar Di Malaysia, Pada Kos	204,317	139,251
Bon Syarikat Tidak Disenarai Bercagar Di Malaysia, Pada Kos	4,963	4,963
Pertambahan Diskaun	594	316
Pelunasan Premium	(293)	(188)
Kerugian Yang Timbul Daripada Perubahan Nilai Saksama	(407)	(267)
Pada Nilai Saksama	209,174	144,075
Jumlah Bon Syarikat Di Malaysia, Pada Nilai Saksama	209,174	144,075

07. Bon Berdenominasi Ringgit

Dana Induk Bon	2015 RM'000	2014 RM'000
Dipegang Untuk Dagangan		
Bon Berdenominasi Ringgit Oleh Penerbit Asing Di Luar Malaysia, Pada Kos	3,500	3,500
Keuntungan Yang Timbul Daripada Perubahan Nilai Saksama	82	85
Pada Nilai Saksama	3,582	3,585

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

08. Deposit Berstruktur

Dana Induk Bon	2015 RM'000	2014 RM'000
Dipegang Untuk Dagangan		
Deposit Berstruktur, Pada Kos		
Bank Berlesen	15,000	15,000
Keuntungan/(Kerugian) Yang Timbul Daripada Perubahan Nilai Saksama	49	(21)
Pada Nilai Saksama	15,049	14,979

09. Deposit Tetap Dan Panggilan

2015	Dana Tunai RM'000	Dana Padu RM'000
Deposit Tetap Dan Panggilan Dengan:		
Bank Berlesen	387	3,404

2014	Dana Tunai RM'000	Dana Padu RM'000
Deposit Tetap Dan Panggilan Dengan:		
Bank Berlesen	-	-

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

10. Lain-Lain Pelaburan

2015	Dana Global High Payout RM'000	Dana Asia Multi- Income PLUS RM'000	Dana Ikhlas RM'000
Dipegang Untuk Dagangan			
Unit Amanah Tidak Disenarai Di Malaysia, Pada Kos	-	-	3,499
Unit Amanah Tidak Disenarai Di Luar Malaysia, Pada Kos	10,073	1,340	-
(Kerugian)/Keuntungan Yang Timbul Daripada Perubahan Nilai Saksama	(1,336)	334	(202)
Keuntungan Tukaran Asing Tidak Direalisasi	2,573	310	-
Pada Nilai Saksama	11,310	1,984	3,297
Jumlah Lain-Lain Pelaburan, Pada Nilai Saksama	11,310	1,984	3,297

2014	Dana Global High Payout RM'000	Dana Asia Multi- Income PLUS RM'000	Dana Ikhlas RM'000
Dipegang Untuk Dagangan			
Unit Amanah Tidak Disenarai Di Malaysia, Pada Kos	-	-	2,007
Unit Amanah Tidak Disenarai Di Luar Malaysia, Pada Kos	11,283	1,472	-
(Kerugian)/Keuntungan Yang Timbul Daripada Perubahan Nilai Saksama	(1,262)	456	(157)
Keuntungan Tukaran Asing Tidak Direalisasi	704	7	-
Pada Nilai Saksama	10,725	1,935	1,850
Jumlah Lain-Lain Pelaburan, Pada Nilai Saksama	10,725	1,935	1,850

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

11. Aset Dan Liabiliti Cukai Tertunda

Liabiliti Cukai Tertunda Diiktiraf

Liabiliti cukai tertunda diwakili oleh yang berikut:

Liabiliti	2015 RM'000	2014 RM'000
Dana Pertumbuhan Dinamik		
Keuntungan Yang Timbul Daripada Perubahan Nilai Saksama	(460)	(577)
Dana Global High Payout		
Keuntungan Yang Timbul Daripada Perubahan Nilai Saksama	(99)	-
Dana Asia Multi-IncomePLUS		
Keuntungan Yang Timbul Daripada Perubahan Nilai Saksama	(52)	(37)
Dana Induk Bon		
Keuntungan Yang Timbul Daripada Perubahan Nilai Saksama	(23)	(9)
Dana Induk Ekuiti		
Keuntungan Yang Timbul Daripada Perubahan Nilai Saksama	(1,350)	(956)
Dana Induk Dividen		
Keuntungan Yang Timbul Daripada Perubahan Nilai Saksama	(224)	(192)
Dana Induk Dana Ekuiti		
Keuntungan Yang Timbul Daripada Perubahan Nilai Saksama	(105)	(66)
Dana Induk ASEAN Plus		
Keuntungan Yang Timbul Daripada Perubahan Nilai Saksama	(4)	(7)

Aset Cukai Tertunda Tidak Diiktiraf

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf untuk perkara berikut (dinyatakan kasar):

Aset	2015 RM'000	2014 RM'000
Dana Global High Payout		
Kerugian Yang Timbul Daripada Perubahan Nilai Saksama	-	558
Dana Ikhlas		
Kerugian Yang Timbul Daripada Perubahan Nilai Saksama	202	157

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf kerana keuntungan boleh cukai masa depan tidak berkemungkinan untuk tersedia, yang mana Dana-dana boleh menggunakannya.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

12. Modal Pemegang Polisi

	2015		2014	
	Unit (‘000)	RM’000	Unit (‘000)	RM’000
Dana Ekuiti				
Pada Permulaan Tahun	26,384	83,867	21,607	59,732
Dicipta Semasa Tahun	7,370	35,119	5,816	29,447
Dibatalkan Semasa Tahun	(1,302)	(6,221)	(1,039)	(5,312)
	32,452	112,765	26,384	83,867
Dana Terus				
Pada Permulaan Tahun	72,540	289,486	51,824	191,643
Dicipta Semasa Tahun	25,218	117,680	22,905	108,210
Dibatalkan Semasa Tahun	(3,980)	(18,613)	(2,189)	(10,367)
	93,778	388,553	72,540	289,486
Dana Pertumbuhan Dinamik				
Pada Permulaan Tahun	31,914	44,498	30,570	41,635
Dicipta Semasa Tahun	4,345	9,009	3,773	8,098
Dibatalkan Semasa Tahun	(2,727)	(5,665)	(2,429)	(5,235)
	33,532	47,842	31,914	44,498
Dana Tunai				
Pada Permulaan Tahun	852	768	888	809
Dicipta Semasa Tahun	190	231	141	170
Dibatalkan Semasa Tahun	(75)	(91)	(177)	(211)
	967	908	852	768
Dana Pendapatan Ekuiti				
Pada Permulaan Tahun	41,408	49,827	32,943	35,853
Dicipta Semasa Tahun	11,428	17,816	10,028	16,602
Dibatalkan Semasa Tahun	(1,688)	(2,634)	(1,563)	(2,628)
	51,148	65,009	41,408	49,827

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

12. Modal Pemegang Polisi (sambungan)

Nota	2015		2014	
	Unit (‘000)	RM’000	Unit (‘000)	RM’000
Dana Global High Payout				
Pada Permulaan Tahun	12,175	17,565	14,144	19,225
Dibatalkan Semasa Tahun	(1,388)	(1,350)	(1,969)	(1,660)
	10,787	16,215	12,175	17,565
Dana Asia Multi-IncomePLUS				
Pada Permulaan Tahun	1,503	1,320	1,697	1,557
Dibatalkan Semasa Tahun	(113)	(157)	(194)	(237)
	1,390	1,163	1,503	1,320
Dana Induk Bon				
	12.1			
Pada Permulaan Tahun	146,162	176,293	103,489	121,119
Dicipta Semasa Tahun	43,893	59,244	42,673	55,174
Dibatalkan Semasa Tahun	(738)	(1,000)	-	-
	189,317	234,537	146,162	176,293
Diwakili Oleh:				
Dana Terurus	150,122	186,255	115,840	139,986
Dana Pendapatan Ekuiti	15,529	18,452	13,161	15,254
Dana Bon	23,666	29,830	17,161	21,053
	189,317	234,537	146,162	176,293
Dana Induk Ekuiti				
	12.2			
Pada Permulaan Tahun	90,997	148,377	81,735	122,487
Dicipta Semasa Tahun	53,026	131,107	19,942	52,746
Dibatalkan Semasa Tahun	(5,630)	(13,847)	(10,679)	(26,856)
	138,393	265,637	90,998	148,377

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

12. Modal Pemegang Polisi (sambungan)

Nota	2015		2014	
	Unit ('000)	RM'000	Unit ('000)	RM'000
Diwakili Oleh:				
Dana Ekuiti	56,805	99,522	41,407	61,131
Dana Terurus	81,418	165,868	49,495	87,183
Dana ASEAN Plus	170	247	96	63
	138,393	265,637	90,998	148,377
Dana Induk Dividen	12.3			
Pada Permulaan Tahun	15,227	21,440	14,814	20,370
Dicipta Semasa Tahun	6,503	15,289	933	2,300
Dibatalkan Semasa Tahun	-	-	(520)	(1,230)
	21,730	36,729	15,227	21,440
Diwakili Oleh:				
Dana Pendapatan Ekuiti	21,730	36,729	15,227	21,440
Dana Modal Terjamin				
Pada Permulaan Tahun	-	-	-	(6,899)
Dicipta Semasa Tahun	-	-	-	-
Dibatalkan Semasa Tahun	-	-	-	-
	-	-	-	(6,899)
Dana Bon				
Pada Permulaan Tahun	22,316	24,833	15,543	16,979
Dicipta Semasa Tahun	7,488	8,952	7,333	8,503
Dibatalkan Semasa Tahun	(1,100)	(1,317)	(559)	(649)
	28,704	32,468	22,317	24,833

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

12. Modal Pemegang Polisi (sambungan)

Nota	2015		2014	
	Unit ('000)	RM'000	Unit ('000)	RM'000
Dana Padu				
Pada Permulaan Tahun	15,169	22,095	10,048	13,669
Dicipta Semasa Tahun	6,848	11,156	5,963	9,818
Dibatalkan Semasa Tahun	(1,335)	(2,173)	(842)	(1,392)
	20,682	31,078	15,169	22,095
Dana Induk Dana Ekuiti	12.4			
Pada Permulaan Tahun	3,552	7,209	2,909	5,336
Dicipta Semasa Tahun	2,368	6,544	1,390	3,903
Dibatalkan Semasa Tahun	-	-	(747)	(2,030)
	5,920	13,753	3,552	7,209
Diwakili Oleh:				
Dana Padu	5,920	13,753	3,552	7,209
Dana Optimix Yield				
Pada Permulaan Tahun	-	1,157	8,852	27,190
Dibatalkan Semasa Tahun	-	-	(8,852)	(26,033)
	-	1,157	-	1,157
Dana Ikhlas				
Pada Permulaan Tahun	3,929	1,967	2,748	1,327
Dicipta Semasa Tahun	2,623	1,407	1,342	727
Dibatalkan Semasa Tahun	(337)	(180)	(161)	(87)
	6,215	3,194	3,929	1,967
Dana ASEAN Plus				
Pada Permulaan Tahun	1,716	632	6,690	3,346
Dicipta Semasa Tahun	672	361	2,514	1,309
Dibatalkan Semasa Tahun	(158)	(80)	(7,488)	(4,023)
	2,230	913	1,716	632

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

12. Modal Pemegang Polisi (sambungan)

		2015		2014	
	Nota	Unit (‘000)	RM’000	Unit (‘000)	RM’000
Dana Induk ASEAN Plus	12.5				
Pada Permulaan Tahun		2,688	1,299	2,911	1,450
Dicipta Semasa Tahun		1,761	955	3,006	1,555
Dibatalkan Semasa Tahun		(163)	(90)	(3,229)	(1,706)
		4,286	2,164	2,688	1,299
Diwakili Oleh:					
Dana ASEAN Plus		1,053	448	410	99
Dana Ekuiti		3,233	1,716	2,278	1,200
		4,286	2,164	2,688	1,299

12.1 Dana Induk Bon (“MBF”)

MBF ditubuhkan sebagai saluran pelaburan ekuiti berpusat untuk Dana-dana. Ia mempunyai nilai aset bersih (“NAV”) sendiri tetapi tidak ditawarkan kepada orang awam.

Objektif penubuhan MBF adalah untuk menggabungkan kesemua dana yang mempunyai pendedahan kepada pelaburan bon. Penggabungan ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan pelaburan

Pelaburan bon dalam Dana Terurus (“MF”), Dana Pendapatan Ekuiti (“EIF”), dan Dana Bon (“BF”) digabungkan ke dalam MBF. MF, EIF dan BF memindahkan NAV pelaburan bon mereka kepada MBF pada NAV dengan kadar RM1.00 seunit pada tarikh dana MBF dimulakan

MF, EIF dan BF tidak terlibat secara langsung dalam pelaburan -pelaburan bon selepas memindahkan bon-bon mereka kepada MBF tetapi memegang unit-unit dalam MBF. Sebarang pelaburan baru ke dalam atau ditebus daripada MBF oleh MF, EIF dan BF selepas tarikh permulaan dana akan bergantung kepada NAV semasa MBF pada waktu transaksi.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

12. Modal Pemegang Polisi (sambungan)

12.2 Dana Induk Ekuiti (“MEF”)

MEF ditubuhkan sebagai saluran pelaburan ekuiti berpusat untuk Dana-dana. Ia mempunyai NAV sendiri tetapi tidak ditawarkan kepada orang awam.

Objektif penubuhan MEF adalah untuk menggabungkan kesemua dana ekuiti yang mempunyai mandat pelaburan dan objektif pulangan yang serupa. Penggabungan ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan pelaburan.

Pelaburan ekuiti dalam Dana Ekuiti (“EF”), MF dan Dana Asean Plus (“AF”) telah digabungkan ke dalam MEF. EF dan MF memindahkan NAV daripada pelaburan ekuiti mereka kepada MEF pada kadar RM1.00 seunit pada tarikh dana MEF dimulakan.

MF dan EF tidak terlibat secara langsung dalam pelaburan-pelaburan ekuiti selepas memindahkan ekuiti mereka kepada MEF tetapi memegang unit-unit di dalam MEF. Sebarang pelaburan baru ke dalam atau ditebus daripada MEF oleh MF, EF dan AF selepas tarikh permulaan dana akan bergantung kepada NAV semasa MEF pada waktu transaksi.

12.3 Dana Induk Dividen (“MDF”)

MDF ditubuhkan sebagai saluran pelaburan ekuiti berpusat untuk Dana-dana. Ia mempunyai NAV sendiri tetapi tidak ditawarkan kepada orang awam.

Objektif penubuhan MDF adalah untuk menggabungkan kesemua dana ekuiti yang mempunyai mandat pelaburan dan objektif pulangan yang serupa. Penggabungan ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan pelaburan.

Pelaburan ekuiti dalam EIF telah digabungkan ke dalam MDF. EIF memindahkan NAV daripada pelaburan ekuitinya kepada MDF pada kadar RM1.00 seunit pada tarikh dana MDF dimulakan.

EIF tidak terlibat secara langsung dalam pelaburan-pelaburan ekuiti selepas memindahkan ekuitinya kepada MDF. Sebarang pelaburan baru ke dalam atau ditebus daripada MDF oleh EIF selepas tarikh permulaan dana akan bergantung kepada NAV semasa MDF pada waktu transaksi.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

12. Modal Pemegang Polisi (sambungan)

12.4 Dana Induk Dana Ekuiti (“MDE”)

MDE ditubuhkan sebagai saluran pelaburan ekuiti berpusat untuk Dana-dana. Ia mempunyai NAV sendiri tetapi tidak ditawarkan kepada orang awam.

Objektif penubuhan MDE adalah untuk menggabungkan kesemua dana ekuiti yang mempunyai mandat pelaburan dan objektif pulangan yang serupa. Penggabungan ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan pelaburan.

Pelaburan ekuiti dalam Dana Padu (“DP”) telah digabungkan ke dalam MDE. NAV MDE semasa dana dimulakan adalah RM1.00 seunit.

DP tidak terlibat secara langsung dalam pelaburan-pelaburan ekuiti tetapi memegang unit-unit di dalam MDE. Sebarang pelaburan baru ke dalam atau ditebus daripada MDE oleh DP selepas tarikh permulaan dana akan bergantung kepada NAV semasa MDE pada waktu transaksi.

12.5 Dana Induk ASEAN Plus (“MAF”)

MAF ditubuhkan sebagai saluran pelaburan ekuiti berpusat untuk Dana-dana. Ia mempunyai nilai aset bersih (“NAV”) sendiri tetapi tidak ditawarkan kepada orang awam..

Objektif penubuhan MAF adalah untuk menggabungkan kesemua dana ekuiti yang mempunyai mandat pelaburan dan objektif pulangan yang sama. Penggabungan ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan pelaburan.

Pelaburan ekuiti dalam EF dan AF telah digabungkan ke dalam MAF. NAV MAF semasa dana ditubuhkan adalah RM0.50 seunit.

EF dan AF tidak terlibat secara langsung dalam pelaburan-pelaburan ekuiti tetapi memegang unit-unit dalam MAF. Sebarang pelaburan baru ke dalam atau ditebus daripada MAF oleh EF dan AF selepas tarikh permulaan dana akan bergantung kepada NAV semasa MAF pada waktu transaksi.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

13. Perbelanjaan Cukai/(Pendapatan)

Diiktiraf Dalam Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan

2015	Dana Ekuiti RM'000	Dana Terurus RM'000	Dana Pertumbuhan Dinamik RM'000	Dana Tunai RM'000	Dana pendapatan Ekuiti RM'000	Dana Global High Payout RM'000	Dana Asia Multi-Income PLUS RM'000	Dana Bon Induk RM'000
Perbelanjaan Cukai Semasa								
Malaysia - Tahun Semasa	34	101	213	3	19	41	6	737
Perbelanjaan Cukai Tertunda								
Asal Dan Kebalikan Perbezaan Sementara - Tahun Semasa	-	-	(117)	-	-	99	15	14
Jumlah Perbelanjaan Cukai	34	101	96	3	19	140	21	751

2014	Dana Ekuiti RM'000	Dana Terurus RM'000	Dana Pertumbuhan Dinamik RM'000	Dana Tunai RM'000	Dana pendapatan Ekuiti RM'000	Dana Global High Payout RM'000	Dana Asia Multi-Income PLUS RM'000	Dana Bon Induk RM'000
Perbelanjaan Cukai Semasa								
Malaysia - Tahun Semasa	28	70	266	2	14	(46)	5	543
Perbelanjaan Cukai Tertunda								
Asal Dan Kebalikan Perbezaan Sementara - Tahun Semasa	-	-	(405)	-	-	-	6	8
Jumlah Perbelanjaan Cukai/(Pendapatan)	28	70	(139)	2	14	(46)	11	551

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

13. Perbelanjaan Cukai/(Pendapatan) (sambungan)

Diiktiraf Dalam Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan (sambungan)

2015	Dana Induk Ekuiti RM'000	Dana Induk Dividen RM'000	Dana Bon RM'000	Dana Padu RM'000	Dana Induk Dana Ekuiti RM'000	Dana Optimix Yield RM'000	Dana Ikhlas RM'000	Dana ASEAN Plus RM'000	Dana Induk ASEAN Plus RM'000
Perbelanjaan Cukai Semasa									
Malaysia - Tahun Semasa	120	(1)	7	40	28	-	8	-	6
Perbelanjaan Cukai Tertunda									
Asal Dan Kebalikan Perbezaan Sementara - Tahun Semasa	394	32	-	-	39	-	-	-	(3)
Jumlah Perbelanjaan Cukai	514	31	7	40	67	-	8	-	3

2014	Dana Induk Ekuiti RM'000	Dana Induk Dividen RM'000	Dana Bon RM'000	Dana Padu RM'000	Dana Induk Dana Ekuiti RM'000	Dana Optimix Yield RM'000	Dana Ikhlas RM'000	Dana ASEAN Plus RM'000	Dana Induk ASEAN Plus RM'000
Perbelanjaan Cukai Semasa									
Malaysia - Tahun Semasa - Tahun Sebelumnya	257 -	108 -	7 -	27 -	1 -	82 (1)	13 -	- -	10 -
Perbelanjaan Cukai Tertunda									
Asal Dan Kebalikan Perbezaan Sementara - Tahun Semasa	(1,457)	(241)	-	-	(27)	(62)	-	-	7
Jumlah Perbelanjaan Cukai/(Pendapatan)	(1,200)	(133)	7	27	(26)	19	13	-	17

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

13. Perbelanjaan Cukai/(Pendapatan) (sambungan)**Penggabungan Perbelanjaan Cukai/(Pendapatan) (sambungan)**

2015	Dana Ekuiti RM'000	Dana Terurus RM'000	Dana Pertum- buan Dinamik RM'000	Dana Tunai RM'000	Dana Penda- patan Ekuiti RM'000	Dana Global High Payout RM'000	Dana Asia Multi- Income PLUS RM'000	Dana Bon Induk RM'000
Keuntungan Sebelum Cukai	3,575	11,166	1,827	28	1,495	2,143	240	9,457
Cukai Pada Kadar Cukai Malaysia @ 8%	286	893	146	2	120	171	19	757
Perkara Dikecualikan Daripada Pengiraan Cukai Berkaitan Pelaburan	(252)	(792)	(50)	1	(101)	(31)	2	(6)
	34	101	96	3	19	140	21	751

2014	Dana Ekuiti RM'000	Dana Terurus RM'000	Dana Pertum- buan Dinamik RM'000	Dana Tunai RM'000	Dana Penda- patan Ekuiti RM'000	Dana Global High Payout RM'000	Dana Asia Multi- Income PLUS RM'000	Dana Bon Induk RM'000
(Kerugian)/Keuntungan Sebelum Cukai	(5,090)	(2,451)	(1,207)	20	(663)	770	112	6,890
Cukai Pada Kadar Cukai Malaysia @ 8%	(407)	(196)	(97)	2	(53)	62	9	551
Perkara Dikecualikan Daripada Pengiraan Cukai Berkaitan Pelaburan	435	266	(42)	-	67	(108)	2	-
	28	70	(139)	2	14	(46)	11	551

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

13. Perbelanjaan Cukai/(Pendapatan) (sambungan)**Penggabungan Perbelanjaan Cukai/(Pendapatan) (sambungan)**

2015	Dana Induk Ekuiti RM'000	Dana Induk Dividen RM'000	Dana Bon RM'000	Dana Padu RM'000	Dana Induk Dana Ekuiti RM'000	Dana Optimix Yield RM'000	Dana Ikhlas RM'000	Dana ASEAN Plus RM'000	Dana Induk ASEAN Plus RM'000
Keuntungan Sebelum Cukai	13,366	1,461	911	1,194	1,114	-	16	6	59
Cukai Pada Kadar Cukai Malaysia @ 8%	1,069	117	73	96	89	-	1	-	5
Perkara Dikecualikan Daripada Pengiraan Cukai Berkaitan Pelaburan	(555)	(86)	(66)	(56)	(22)	-	7	-	(2)
	514	31	7	40	67	-	8	-	3

2014	Dana Induk Ekuiti RM'000	Dana Induk Dividen RM'000	Dana Bon RM'000	Dana Padu RM'000	Dana Induk Dana Ekuiti RM'000	Dana Optimix Yield RM'000	Dana Ikhlas RM'000	Dana ASEAN Plus RM'000	Dana Induk ASEAN Plus RM'000
(Kerugian)/ Keuntungan Sebelum Cukai	(9,721)	(798)	643	(25)	(139)	890	17	237	231
Cukai Pada Kadar Cukai Malaysia @ 8%	(778)	(64)	51	(2)	(11)	71	1	19	18
Perkara Dikecualikan Daripada Pengiraan Cukai Berkaitan Pelaburan	(422)	(69)	(44)	29	(15)	(51)	12	(19)	(1)
Lebihan Peruntukan Pada Tahun Sebelumnya	-	-	-	-	-	(1)	-	-	-
	(1,200)	(133)	7	27	(26)	19	13	-	17

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

14. Instrumen Kewangan

14.1 Pengurusan Risiko Kewangan

Dana-dana terdedah kepada risiko-risiko berikut dari penggunaan instrumen kewangan:

- Risiko kredit
- Risiko kecairan
- Risiko pasaran

14.2 Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan kepada Dana-dana jika pihak terlibat gagal mematuhi tanggungjawab berkontrak mereka.

Dana-dana terdedah kepada risiko kredit yang timbul terutamanya dari pelaburan dalam instrumen pendapatan tetap serta tunai dan kesetaraan tunai. Kerugian kewangan mungkin berlaku apabila pihak terlibat gagal memenuhi tanggungjawab pembayaran kerana pelbagai sebab.

Kesemua pelaburan bon mesti mempunyai penarafan minimum AA- oleh agensi penarafan di Malaysia atau penarafan minimum BBB- oleh mana-mana agensi penarafan antarabangsa yang diiktiraf seperti yang digariskan Mandat Pelaburan Pengurus yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Pada akhir tempoh pelaporan, tidak ada tumpuan ketara risiko kredit. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit diwakili oleh amaun yang dibawa oleh setiap aset kewangan.

Dana-dana menganggap penarafan BBB dan ke atas sebagai gred pelaburan dan penarafan di bawah BBB sebagai bergred bukan-pelaburan. Aset yang tidak ditarafkan oleh agensi penarafan diklasifikasi sebagai tidak-ditaraf.

Tiada risiko kredit untuk belum terima lain kerana kebanyakannya adalah amaun perlu dibayar dari antara-dana.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

14. Instrumen Kewangan (sambungan)

14.2 Risiko Kredit (sambungan)

Pendedahan Kredit

Jadual di bawah menunjukkan pendedahan maksimum kepada risiko kredit untuk aset kewangan pada penyata aset dan liabiliti.

2015	Dana Ekuiti RM'000	Dana Terurus RM'000	Dana Pertum- bahan Dinamik RM'000	Dana Tunai RM'000	Dana Penda- patan Ekuiti RM'000	Dana Global High Payout RM'000	Dana Asia Multi- Income PLUS RM'000	Dana Induk Bon RM'000
Pelaburan Kewangan Dipegang Untuk Dagangan								
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	-	-	-	-	-	-	2,515
Sekuriti Hutang	-	-	-	-	-	-	-	212,756
Deposit Berstruktur	-	-	-	-	-	-	-	15,049
Pinjaman Dan Belum Terima								
Faedah Dan Dividen Belum Terima	4	31	79	4	-	-	-	2,309
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	11,465	30,674	8,993	799	4,518	136	49	27,760
Deposit Tetap Dan Panggilan	-	-	-	387	-	-	-	-
	11,469	30,705	9,072	1,190	4,518	136	49	260,389

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

14. Instrumen Kewangan (sambungan)

14.2 Risiko Kredit (sambungan)

Pendedahan Kredit (sambungan)

Jadual di bawah menunjukkan pendedahan maksimum kepada risiko kredit untuk aset kewangan pada penyata aset dan liabiliti(sambungan).

2015	Dana Induk Ekuiti RM'000	Dana Induk Dividen RM'000	Dana Bon RM'000	Dana Padu RM'000	Dana Induk Dana Ekuiti RM'000	Dana Optimix Yield RM'000	Dana Ikhlas RM'000
Pinjaman Dan Belum Terima							
Faedah Dan Dividen Belum Terima	196	29	-	22	5	-	-
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	12,542	1,549	2,180	13,774	142	17	74
Deposit Tetap Dan Panggilan	-	-	-	3,404	-	-	-
	12,738	1,578	2,180	17,200	147	17	74

2015	Dana ASEAN Plus RM'000	Dana Induk ASEAN Plus RM'000
Pinjaman Dan Belum Terima		
Faedah Dan Dividen Belum Terima	-	2
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	157	71
	157	73

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

14. Instrumen Kewangan (sambungan)

14.2 Risiko Kredit (sambungan)

Pendedahan Kredit (sambungan)

Jadual di bawah menunjukkan pendedahan maksimum kepada risiko kredit untuk aset kewangan pada penyata aset dan liabiliti (sambungan).

2014	Dana Ekuiti RM'000	Dana Terurus RM'000	Dana Pertumbuhan Dinamik RM'000	Dana Tunai RM'000	Dana Pendapatan Ekuiti RM'000	Dana Global High Payout RM'000	Dana Asia Multi-Income PLUS RM'000	Dana Induk Bon RM'000
Pelaburan Kewangan Dipegang Untuk Dagangan								
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	-	-	-	-	-	-	4,397
Sekuriti Hutang	-	-	-	-	-	-	-	147,660
Deposit Berstruktur	-	-	-	-	-	-	-	14,979
Pinjaman Dan Belum Terima								
Faedah Dan Dividen Belum Terima	11	66	127	2	5	-	-	1,694
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	25,457	56,845	14,001	1,024	11,197	167	21	24,678
	25,468	56,911	14,128	1,026	11,202	167	21	193,408

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

14. Instrumen Kewangan (sambungan)

14.2 Risiko Kredit (sambungan)

Pendedahan Kredit (sambungan)

Jadual di bawah menunjukkan pendedahan maksimum kepada risiko kredit untuk aset kewangan pada penyata aset dan liabiliti (sambungan).

2014	Dana Induk Ekuiti RM'000	Dana Induk Dividen RM'000	Dana Bon RM'000	Dana Padu RM'000	Dana Induk Dana Ekuiti RM'000	Dana Optimix Yield RM'000	Dana Ikhlas RM'000
Pinjaman Dan Belum Terima							
Faedah Dan Dividen Belum Terima	360	63	2	25	26	-	133
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	1,910	2,854	3,428	14,807	775	12,984	32
	2,270	2,917	3,430	14,832	801	12,984	165

2014	Dana ASEAN Plus RM'000	Dana Induk ASEAN Plus RM'000
Pinjaman Dan Belum Terima		
Faedah Dan Dividen Belum Terima	-	1
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	80	104
	80	105

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

14. Instrumen Kewangan (sambungan)

14.2 Risiko Kredit (sambungan)

Pendedahan Kredit Mengikut Penarafan Kredit

